

KEFAHAMAN 1 (10 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Pantun ialah sejenis puisi tradisional. Puisi ini merupakan hak mutlak bangsa Melayu Nusantara, tidak seperti syair, gurindam dan sajak. Syair budaya orang Arab manakala gurindam berasal dari Parsi. Sajak pula merupakan warisan budaya Barat.

Sejarah pantun mungkin sekali bermula dari ceruk desa. Ketika itu, pantun diungkapkan dalam perbualan harian serta dalam majlis-majlis tertentu. Dari situ, pantun berkembang ke persekitaran pekan dan disebarkan pula oleh para pedagang yang berniaga ke seluruh Nusantara (Kepulauan Melayu). Pihak istana pula turut mengadakan pertandingan pantun. Pemantun yang handal akan dilantik sebagai penghibur di istana.

Bentuk pantun berbeza; bergantung kepada sampiran atau pembayang yang digunakan. Jika pembayangnya hanya satu bait (baris), pantun ini dikatakan berbentuk dua kerat. Hal ini demikian kerana selepas ungkapan pembayang akan diikuti bait-bait berupa maksudnya. Jika pembayangnya dua bait, pantun ini dinamakan pantun empat kerat; begitulah seterusnya.

Pantun yang terawal memang berbentuk dua kerat bagi satu rangkap. Hal ini demikian kerana penciptaanya agak mudah. Kemudian, bentuknya digubah menjadi empat kerat. Bentuk ini dianggap lebih sempurna dan lebih popular. Selain itu, terdapat juga pantun enam kerat, pantun lapan kerat pantun sepuluh kerat serta pantun dua belas kerat. Di samping itu, terdapat suatu bentuk pantun lagi iaitu pantun berkait.

Pantun **memainkan** peranan yang pelbagai dalam masyarakat. Penggunaanya dianggap sebagai pengindah bicara penuturnya. Para pemantun pula dianggap istimewa kerana mempunyai daya fikir tinggi selain tutur kata yang menguja lagi menawan. Di samping itu, pantun juga melambangkan kehalusan cara dan kesempurnaan pemikiran masyarakatnya.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di atas, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

1 Pantun merupakan sejenis puisi tradisonal yang _____.

- (1) diadaptasi dari syair bangsa Arab
- (2) berasal dari Kepulauan Melayu
- (3) dibawa oleh pedagang Parsi
- (4) merupakan warisan budaya Barat

2 Pengucapan pantun bermula _____.

- (1) melalui penganjuran majlis tertentu di persekitaran pekan
- (2) dalam pertandingan yang diadakan oleh pihak istana
- (3) berdasarkan aktiviti perniagaan oleh para pedagang
- (4) daripada perbualan harian masyarakat kampung

3 Perbezaan bentuk pantun amat bergantung kepada _____.

- (1) jumlah rangkapnya
- (2) cara pantun diucapkan
- (3) bilangan baris sampirannya
- (4) pengalaman para pemantunnya

4 Pantun empat kerat lebih popular kerana _____.

- (1) lebih mudah untuk dicipta
- (2) jumlah rangkapnya
- (3) rangkapnya yang berkait
- (4) dianggap lebih sempurna

5 Perkataan **memainkan** dalam petikan boleh digantikan dengan _____.

- (1) menjalankan
- (2) mempunyai
- (3) menggunakan
- (4) menyampaikan